

Program “Let's Talk & Plan: Alumni Ambassador Session” Siri 2



LET'S TALK & PLAN:
ALUMNI AMBASSADOR SESSION
Selamat Datang Alumni Ambassador
Pusat Pengajian Universiti Sains Malaysia

Meet Our Alumni Ambassador



Program Siri 2 ini dilaksanakan sebagai kesinambungan kepada Siri 1 dalam usaha memperkukuh hubungan strategik antara Pusat Pembangunan Alumni (ADC) dan Alumni Ambassador di beberapa pusat pengajian terpilih di Universiti Sains Malaysia (USM). Program ini berfungsi sebagai platform perbincangan dua hala yang memberi ruang kepada perkongsian maklumat, perancangan serta hala tuju berkaitan pengurusan dan pembangunan alumni USM secara lebih menyeluruh.

Melalui sesi ini, ADC turut memberi pendedahan berkenaan peranan Persatuan Alumni USM (PAUSM), perancangan pelaksanaan program seperti Majlis Makan Malam Alumni, pengurusan dan pengemaskinian data alumni melalui Sistem WeLead, penambahbaikan laman web alumni, serta cadangan inisiatif Alumni Premier bagi memperkukuh keterlihatan dan pengiktirafan alumni USM di peringkat nasional dan antarabangsa.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk mendapatkan maklum balas, pandangan serta cadangan daripada Alumni Ambassador dalam usaha memperkasa pelaksanaan aktiviti alumni di peringkat pusat pengajian, termasuk cadangan pelaksanaan program Bicara Alumni, pengukuhan persatuan atau chapter alumni, serta pembangunan jaringan alumni yang lebih aktif, dinamik dan berimpak tinggi.

Secara keseluruhannya, Siri 2 ini diharap dapat memperkukuh komunikasi yang lebih efektif, memperluaskan jaringan kerjasama alumni serta menyokong aspirasi universiti dalam meningkatkan penglibatan alumni serta penarafan Universiti Sains Malaysia di peringkat global.

SEMINAR ENGINEERING YOUR FUTURE



Program “Seminar Engineering Your Future” yang dianjurkan oleh Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam dengan kerjasama Pusat Pembangunan Alumni Universiti Sains Malaysia (USM) telah diadakan khusus untuk pelajar tahun akhir di Bilik Kuliah, Kampus Kejuruteraan Tuanku Syed Sirajuddin USM dari jam 9.00 pagi hingga 11.00 pagi.

Program ini menampilkan sesi perkongsian daripada Mohd Azhar Awang selaku Pengerusi Alumni Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam (PPKA) dan Mohd Zulham Affandi Mohd Zahid, Senior Lecturer, School of Civil Engineering USM, sebagai ahli panel jemputan.

Program ini diharapkan dapat memberi pendedahan dan manfaat yang signifikan kepada pelajar tahun akhir dalam membuat persediaan awal ke alam pekerjaan, khususnya dalam bidang kejuruteraan. Melalui perkongsian pengalaman serta pandangan daripada ahli panel, para pelajar dapat memperoleh gambaran yang lebih jelas mengenai hala tuju kerjaya, cabaran industri serta langkah-langkah yang perlu diambil selepas menamatkan pengajian sebagai graduan kejuruteraan. Selain itu, program seperti ini turut membantu meningkatkan keyakinan dan kesiapsiagaan pelajar dalam menghadapi dunia profesional pada masa hadapan.



Penulis: Suraya Shazlin
Penyunting: Ahmad Wafi
Foto: Siti Zulaiha